

Jambatan runtuh sejak Khamis lalu

# 2,000 penduduk terputus hubungan

Oleh ABD. RAZAK OSMAN

razak@kosmo.com.my

**KULIM** - Lebih 2,000 penduduk dari tujuh buah kampung terputus hubungan apabila satu-satunya jambatan yang menghubungkan Kampung Keladi dan Kampung Seberang Sungai runtuh sejak Khamis lalu.

Jambatan sepanjang 40 meter yang merintangi Sungai Kulim itu turut digunakan penduduk Kampung Sungai Limau, Bukit Kukus, Air Hitam, Taman Selasih dan Pondok Labu untuk ke tempat kerja dan sekolah.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Keladi, Habibah Md. Isa, 50, berkata, jambatan itu runtuh di bahagian tengah ekor an arus deras selepas hujan lebat kira-kira pukul 4 petang.

Menurutnya, dia bersyukur kerana tiada kemalangan yang melibatkan penduduk ketika kejadian itu berlaku dan jambatan itu kini tidak lagi selamat digunakan.

"Penduduk di kampung terlibat kini terpaksa menggunakan jalan alternatif lain yang terletak kira-kira satu kilometer dari situ," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam



HABIBAH



ABU BAKAR

Jambatan konkrit tersebut telah dibina pada tahun 2002.

Sementara itu, seorang penduduk, Abu Bakar Ahmad, 67, berkata, jambatan itu juga digunakan pelajar ke Sekolah Kebangsaan Keladi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Keladi.

"Saya berharap pihak berkenaan membina segera jambatan baharu untuk memudahkan penduduk di kawasan berkenaan," katanya

Dalam pada itu, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Padang Serai, Halim Hassan berkata, dia telah memaklumkan masalah yang dihadapi oleh penduduk di kampung tersebut kepada Pejabat Daerah Kulim untuk membina jambatan baharu.



HALIM melihat keadaan jambatan yang runtuh di Kampung Keladi, Kulim, Kedah yang runtuh semalam.